

MAHATHIR - KERETA

1982

ALUR SETAR, 29 OKT. (BERNAMA) -- KERETA BUATAN MALAYSIA DIJANGKA MULA DIKELUARKAN PADA TAHUN 1986 ATAU MUNGKIN LEBIH AWAL DARI ITU, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA KERETA TERSEBUT MUNGKIN MEMPUNYAI SUKATAN ENJIN ANTARA 1200 C.C. HINGGA 1600 C.C. KERANA ASAIZ TERSEBUT TERSEBUT DIDAPATI POPULAR DI NEGARA INI.

+TETAPI SAIZ SEBENARNYA MASIH PERLU DIRAHSIAKAN,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGURUSIKAN MESYUARAT UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI JITRA KIRA-KIRA 16 KM DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENERANGKAN BUAT PERMULAANNYA KERETA BUATAN MALAYSIA ITU TIDAK AKAN DIESKPOT SEHINGGA PENGELUARAN NYA DAPAT DITINGKATKAN BAGI MEMBOLEHKANNYA MENYIANGI KERETA-KERETA YANG LAIN DI PASARAN.

PENGUMUMAN TENTANG HABRAT MALAYSIA UNTUK MENGHASILKAN KERETA BUATANNYA SENDIRI DIUMUMKAN SEMALAM OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM. PROJEK TERSEBUT DIBERI PERHATIAN RAPI OLEH PERDANA MENTERI SENDIRI.

PEMBUATAN KERETA MALAYSIA ADALAH PROJEK USAHASAMA ANTARA PERBADANAN INDUSTRI-INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM) DENGAN SEBUAH SYARIKAT JEPUN. -- LAGI 1425/MK

ZCZC B555

MAHATHIR - KERETA 2 ALUR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA HARGA TERSEBUT MUNGKIN RENDAH SEDIKIT DARI KERETA-KERETA YANG DIPASARKAN DI NEGARA INI DAN KATANYA NAMA UNTUK KERETA TERSEBUT AKAN DITETAPKAN KEMUDIAN.

SETAKAT INI MALAYSIA CUMA MEMASANG BEBERAPA JENIS KERETA DENGAN MENGGUNAKAN KIRA-KIRA 10 PERATUS BAHAN-BAHAN DARI DALAM NEGERI SAPERTI TAYAR DAN BATERI.

+MASANYA SUDAH SAMPAI UNTUK KITA MENINGKATKAN PERATUSAN PENGGUNA BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA,+ KATANYA.

MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA YANG KETIGA BESARNYA DI ASIA YANG MEMBELI KERETA DENGAN KIRA-KIRA 100,000 UNIT SETAHUN.

TETAPI MENURUTNYA UNTUK MEMBUAT KERETA DENGAN 100 PERATUS BAHAN DARI NEGARA INI ADALAH SATU MASALAH BESAR KERANA IA MELIBATKAN TEKNOLOJI DAN PELABURAN YANG TINGGI.

BELIAU MENJELASKAN UNTUK KERETA BUATAN MALAYSIA ITU REKABENTUKNYA ADALAH ISTIMEWA KERANA IA TIDAK DIDAPATI DI NEGARA-NEGARA LAIN. -- LAGI 1432/MK

ZCZC B556

MAHATHIR - KERETA 3 ALUR SETAR

BELIAU MENJELASKAN SELEPAS MEMBUAT REKABENTUK, MALAYSIA AKAN MEMASANG ENJIN DAN KEMUDIAN MEMBUAT KOMPONEN-KOMPONEN ENJIN KE SATU PERINGKAT YANG MALAYSIA BOLEH MEMBUAT KESELURUHAN KERETA ITU SENDIRI.

+APA YANG PENTING IALAH LANGKAH PERTAMA MESTI DIAMBIL,+ KATANYA. -- BERNAMA 1435/MK